

17/10/1997

Biro Penerangan Umno anjur kursus khas

JERTIH, Khamis - Biro Penerangan Umno akan menganjurkan perhimpunan khas pemimpin parti peringkat bahagian yang akan diadakan di Ibu Pejabat Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada 23 Oktober ini.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor berkata, perhimpunan itu bagi memberi penerangan mengenai pelbagai isu semasa yang dihadapi negara kepada pemimpin terbabit.

Katanya, perhimpunan khas itu juga untuk memberi peluang pemimpin terbabit mendengar amanat penting daripada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menyentuh mengenai pelbagai isu terkini.

Menurutnya, biro berkenaan sudah menghantar surat kepada semua 164 Ketua Umno bahagian di seluruh negara meminta mereka menghantar wakil menyertai perhimpunan itu.

Setiap bahagian, katanya, dikehendaki menghantar lima pemimpin parti, termasuk ketua bahagian, ketua penerangan, setiausaha, bendahari dan ahli jawatankuasa.

"Kita berharap semua ketua bahagian memberi perhatian serius terhadap perhimpunan itu kerana ia satu agenda penting untuk diketahui pemimpin peringkat berkenaan," katanya selepas merasmikan upacara tamat latihan rekrut sukarelawan Rejimen 512 Askar Wataniah di Stadium Mini Besut, Kampung Raja, hari ini.

Dr Yusof yang juga Ahli Exco negeri berkata, pada perhimpunan itu Dr Mahathir akan menyampaikan amanat penting berhubung isu agama, krisis mata wang dan kepimpinan negara.

Katanya, kehadiran pemimpin berkenaan penting supaya pemimpin di peringkat mengetahui keadaan sebenar yang berlaku dan memudahkan mereka menyampaikan maklumat itu kepada semua ahli parti.

(END)